

ANWAR IKRAR PIKUL TUGAS DIAMANAH

Oleh NAZRI ABDULLAH

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru, Encik Anwar Ibrahim, berikrar memikul tanggungjawab yang diamanahkan oleh pucuk pimpinan kepadanya dengan penuh minat dan kesungguhan yang terdaya dilakukannya.

"Sedaya upaya saya akan menyumbangkan perkhidmatan sebaik yang termampu seperti yang diharapkan," ujarinya ringkas ketika dihubungi di pejabatnya Yayasan Anda Akademik di sini hari ini.

Katanya, perlantikan beliau menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menunjukkan kepercayaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepadanya.

"Saya berterima kasih kepada Datuk Seri Dr. Mahathir atas keyakinan dan kepercayaan beliau terhadap saya," tambahnya.

Encik Anwar, bekas Presiden ABIM di antara tokoh muda dalam Kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir yang diumumkan semalam. Beliau Ahli Parlimen kawasan Permatang Pauh yang mendapat majoriti besar mengatahkan calon PAS, Haji Zabidi Ali dalam pilihanraya 22 April lalu.

Menyentuh hasrat dan bentuk tugasnya di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar tidak dapat memberi pandangan lanjut tentang perkara itu kerana beliau sendiri belum tahu apakah tanggungjawab yang akan diberikan kepadanya.

Bagaimanapun, seperti yang dibayangkan oleh Perdana Menteri semalam, besar kemungkinan beliau akan ditugas mengendalikan soal-soal berkaitan agama Islam kerana sesuai dengan perjuangannya selama ini.

Sementara itu, badan-badan politik, ekonomi dan bella di Pulau Pinang menyambut baik perlantik Encik Anwar sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Pulau Pinang, Syed Abbas Al-Habshee mensifatkan perlantikan itu sebagai satu rahmat kepada orang-orang Melayu Pulau Pinang.

Katanya, Encik Anwar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dapat menyumbangkan



ENCIK ANWAR

banyak pandangan bagi pihak Kerajaan Pusat untuk kemajuan masyarakat Melayu di Pulau Pinang.

Bercakap bagi pihak Dewan Perniagaan, Syed Abbas menegaskan pihaknya akan terus memberi kerjasama kepada Kabinet baru agar masalah ekonomi orang Melayu di pulau itu diselesaikan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia